



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

---

1. Sebagaimana semua sedia maklum, Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan bermula dari 18 hingga 31 Mac 2020. Tindakan ini adalah sebagai usaha Kerajaan dalam membendung penyebaran wabak COVID-19 yang sedang melanda negara.
2. Kementerian sedar bahawa Perintah ini akan memberi implikasi yang besar kepada sektor perladangan dan komoditi khususnya pekebun kecil sawit dan getah. Kementerian juga mengambil maklum akan kepentingan industri sawit dan getah yang menyumbang kepada rantaian bekalan berkaitan penyediaan perkhidmatan perlu seperti pembekalan minyak masak dan pembekalan peralatan perubatan seperti sarung tangan (*gloves*) dan kateter (*catheter*).
3. Berdasarkan kepada kepentingan ini dan bagi memastikan bekalan adalah mencukupi setelah mendapat panduan umum Kabinet yang bermesyuarat pada pagi ini serta pengesahan pihak MKN, Kementerian memberi kelonggaran kepada sektor perladangan dan komoditi seperti berikut:
  - a) Membenarkan penuaian buah tandan segar sawit oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil;
  - b) Membenarkan pemprosesan buah tandan segar dilaksanakan oleh kilang-kilang sawit;
  - c) Membenarkan pemprosesan minyak sawit mentah di kilang penapis untuk pengeluaran minyak masak bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan;

- d) Mbenarkan aktiviti penorehan getah bagi tujuan pembekalan bahan mentah untuk penghasilan produk peralatan perubatan seperti sarung tangan dan kateter; dan
  - e) Mbenarkan aktiviti bagi sektor perkayuan beroperasi untuk memenuhi kontrak sedia ada yang telah dimeterai.
4. Semua pihak yang terlibat di dalam aktiviti yang dinyatakan tersebut hendaklah memastikan segala langkah pencegahan dan pengawalan penularan wabak COVID-19 dipatuhi termasuk meminimakan tenaga kerja dan pergerakan pekerja dengan menjarakkan sentuhan fizikal (*social distancing*) dan pulang segera ke rumah atau penempatan setelah selesai bekerja. Semua pihak diingatkan sentiasa menjaga kebersihan seperti membasuh tangan dengan sabun atau pencuci tangan (*hand sanitiser*).

**YB Dato' Dr Mohd Khairuddin Aman Razali**  
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi  
19 Mac 2020